

Dagangan : YOUNG COCONUT

Nama Perdagangan : Local Fresh Coconut
Jenama : SAS

Kod Tarif :
0801.19.10 00 (PDK 2017)

Tarikh Kelulusan :
14 Januari 2019

Keterangan Barangan :

Deskripsi	<ol style="list-style-type: none">1. Barangan merupakan buah kelapa muda yang telah dibuang sebahagian besar kulit kelapanya mengikut bentuk yang dikehendaki.2. Bahagian atas tempurung kelapa telah dibuat <i>groove</i> dengan bentuk bulatan bagi memudahkan pengguna untuk minum air kelapa muda dan makan isi kelapa muda dengan cara menebuk bahagian tempurung kelapa yang telah digerudi.
Komponen / Bahan	Buah kelapa muda
Pembungkusan	Setiap buah kelapa muda dibalut dengan <i>stretch film</i> lutsinar dan dilekatkan dengan label.
Cara Penggunaan	Air kelapa untuk diminum manakala isi kelapa muda dimakan begitu sahaja.

Gambar



Ketetapan

Ketua Pengarah Kastam memutuskan barangan ini sesuai diperjeniskan di bawah kod tarif **0801.19.10 00** sebagai **Young Coconut**, berdasarkan alasan-alasan berikut:

1. Barangan adalah buah kelapa muda yang telah melalui proses pembuangan kulit dan dipotong mengikut bentuk yang dikehendaki.
2. Bahagian atas tempurung kelapa dibuat *groove* secara bulatan dengan menggunakan alat gerudi bagi membuat memudahkan pengguna menebuk buah kelapa.
3. Buah kelapa muda ini tidak dicampur dengan sebarang bahan atau perisa tambahan.
4. Air buah kelapa muda digunakan sebagai minuman, manakala isinya dimakan begitu sahaja.
5. Buah kelapa muda yang telah siap diproses dibalut dengan *stretch film* lutsinar dan dilekatkan dengan label.
6. Memandangkan buah kelapa muda ini tidak dicampur dengan sebarang bahan atau perisa tambahan dan ia hanya melalui proses membuang dan membentuk kulit kelapa dan menggerudi bulatan pada tempurung kelapa sahaja, maka buah kelapa muda ini sesuai diklasifikasikan di bawah kod tarif **0801.19.10 00** mengikut struktur PDK 2017 di bawah *heading* 08.01:

08.01 Coconuts, Brazil nuts and cashew nuts, fresh or dried, whether or not shelled or peeled.

	-	Coconuts:
0801.11.00 00-	-	Desiccated
0801.12.00 00-	-	In the inner shell (endocarp)
0801.19	-	Other:
0801.19.10 00-	-	Young coconut
0801.19.90 00-	-	Other